



Lain-lain
 Galeri Foto
 Versi Mobile
 Arkib
 Iklan
 Langgan ePaper
 SMS Alert
 Facebook
 Sign in



korporat

ARKIB : 11/07/2009

Kontrak DK Composites RM43j di Singapura

KUALA LUMPUR 10 Julai - DK Composites Sdn. Bhd. (DK Composites) berjaya mendapat kontrak bernilai RM43.5 juta daripada Marina Bay Sands, iaitu sebuah pusat peranginan bersepadu pertama di Singapura.

Kontrak tersebut melibatkan pengeluaran, pemasangan dan penyalutan struktur berbentuk teratai untuk Muzium Sains dan Seni yang ikonik, terletak di dalam kawasan resort yang masih dalam pembinaan.

Kontrak itu dimeterai selepas DK Composites menandatangani surat penerimaan dengan Penta-Ocean Construction Co. Ltd.

DK Composites akan memulakan kerja pembinaan sebaik sahaja sub-struktur, struktur waja dan penyalutan dalaman kalis air telah dilaksanakan oleh kontraktor utama.

Struktur yang berukuran 12,500 meter persegi akan disokong oleh 2,900 meter persegi keluli tahan karat dan 1,300 meter persegi tiang besar komposit aluminium, menjadikan ia salah satu seni bina dan kejuruteraan yang paling unggul di Asia Tenggara.

Terletak di pinggir Marina Bay Waterfront, Muzium Sains dan Seni itu merupakan sebahagian daripada projek pembangunan Marina Bay Sands yang turut membangunkan 300 buah kedai, satu pusat konvensyen dan pameran, bangunan teater ala Broadway untuk persembahan secara langsung, pusat perjudian ala Las Vegas dan menara hotel 55 tingkat yang mempunyai kolam renang dan taman di atas bumbung.

"Kejayaan mendapatkan kontrak luar negara ini membuktikan syarikat Malaysia mampu bersaing di peringkat global.

"Projek Marina Bay Sands oleh Las Vegas Sands Corporation di Singapura adalah projek bernilai dolar yang membolehkan kami memperkenalkan produk komposit termaju ke seluruh dunia" kata Pengerusi Eksekutif DK Composites, Datuk Khalilur Rahman Ebrahim dalam kenyataannya di sini hari ini.

DK Composites juga merupakan pembina dan pengeksport kapal marina berprestasi tinggi seperti bot-bot pemintas, kapal layar untuk perlumbaan dan seterusnya membangunkan projek hoverkraf.

Kongsi Konten di :

Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh 5:41
 Zohor 1:17
 Asar 4:42
 Maghrib 7:26
 Isyak 8:41

[Klik untuk waktu solat kawasan lain](#)



-  **Dengar SuriaFM**
Radio SuriaFM Menceriakan Dunia
-  **Ruh Rio Brazil 2014**
Laman web mikro bola sepak Piala Dunia 2014
-  **Tragedi Pesawat MH370**
Utusan Live lapor kehilangan pesawat MH370
-  **KE7B Greenland 2014**
Laporan Ekspedisi KE7B Greenland Malaysia 2014

IKLAN@UTUSAN

